

| | | | |
|-------------------|------------------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Perabot inovatif Frim di Spogagafa 2012 | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | Color | Full Color |
| Date | 10 Jul 2012 | Circulation | 60,000 |
| Section | Nasional | Readership | 180,000 |
| Page No | 39 | ArticleSize | 393 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 2,162 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 6,485 |
| Frequency | Daily | | |



Perabot inovatif Frim di Spogagafa 2012

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) bakal memperkenalkan satu daripada produk perabot inovatifnya, iaitu Modular Perabot Luaran, pada Spogagafa 2012 iaitu pameran dagang tahunan terbesar di dunia berkaitan produk taman di Cologne, Jerman, September ini.

Produk Frim dibawa ke sana untuk dipamerkan oleh syarikat Supreme Tropical Furniture Sdn Bhd (STFSB) yang membuat dan mengeksport pelbagai jenis perabot taman berdasarkan kayu ke serata dunia termasuk United Kingdom, Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

Majlis menandatangani perjanjian opsyen antara Frim dan STFSB yang membenarkan syarikat berkenaan untuk mengkaji penerimaan pasaran produk tersebut selama setahun diadakan pada 4 Julai lalu di tapak pameran Frim di Pesta Bunga dan Taman Floria Putrajaya 2012, Putrajaya.

Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, telah menandatangani perjanjian

tersebut bagi pihak Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan (MFRDB), sementara STFSB pula diwakili Pengaruhnya, Choo Ghee Kien.

Menurut Abd Latif, reka bentuk Perabot Taman Modular dilindungi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah kategori Reka Bentuk Perindustrian. Perabot inovatif tersebut direka sekumpulan saintis Frim yang ditugaskan untuk membangun dan mempromosikan kayu bakau sebagai bahan mentah pembuatan perabot.

Oleh kerana ketumpatan kayunya yang tinggi, perabot dibuat daripada kayu bakau boleh menjadi tersangat berat, terutamanya apabila saiz perabot tersebut besar seperti bangku tiga tempat duduk.

Untuk mengatasi masalah ini, saintis berkenaan memperkenalkan konsep modular dalam reka bentuk yang membolehkan beberapa kerusi bujang digabung menjadi bangku dua atau tiga tempat duduk.

Setiap kerusi bujang ini mempunyai

berat sesuai untuk diangkat satu orang. Inovasi ini telah memenangi Pingat Emas pada Pameran Inovasi & Rekaceipta (Itex) 2012 lalu di KLCC.

Choo yang menyertai Spogagafa sejak 2009 berkata beliau mula meminati Perabot Taman Modular Frim setelah melihat produk tersebut di Pameran Industri Perabot Antarakabangsa (MIFF) pada Mac 2011.

Beliau percaya produk tersebut mampu mendapat pasaran memandangkan konsep modular yang semakin popular dan bercadang untuk menggunakan beberapa spesies kayu tempatan untuk membuat produk tersebut dengan teknologi kemasian terkini.

Turut hadir menyaksikan majlis tandatangan ini adalah Pengarah Bahagian Komersialisasi dan Inovasi Frim, Mohd Zamshari Abd Rahman; Pengurus Operasi STFSB, Chong Shee Kon dan pereka Perabot Taman Modular, Nik Adlin Nik Mohamed Sukri dan Dr Wan Tarmeze Wan Ariffin.



Abd Latif (tengah) dan Ghee Kien (tiga, kanan) selepas majlis menandatangani i perjanjian opsyen antara Frim dan STFSB.